



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
29 Ogos 2025



Nasional

Jumaat, 29 Ogos 2025 BH

'Bezakan pekerja gig dengan kakitangan kontrak'

Kuala Lumpur: Tafsiran jelas mengenai pekerja gig yang mengekalkan status pekerjaan asal dan sendiri, antara inti pati utama diketengahkan menerusi Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata RUU itu secara spesifik mendefinisikan pekerja gig sebagai warga atau pemastautin tetap yang memeterai perjanjian kontrak dan menerima pendapatan atas perkhidmatan dilaksanakan.

Bellau juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam, berkata definisi itu sekali gus membezakan pekerja gig dengan kakitangan *contract of service* atau *contract of employment* di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265).

"Perkhidmatan di bawah Jadual RUU ini adalah lakonan, aktiviti perfileman, aktiviti berkaitan muzik, estetik (kecantikan), terjemahan, kewarmanan, penjagaan atau rawatan sebelum dan selepas ibu bersalin, penjagaan paliatif, orang tua dan pemulihan serta fotografi dan videografi.

"Melihat kepada dinamika sektor gig, Jadual RUU ialah senarai hidup dan boleh dipinda melalui perintah menteri yang disarkikan dalam warta berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa," katanya.

RUU Pekerja Gig 2025 dilulus selepas tujuh tahun

Sim tempelak tindakan pembangkang keliru perincian cadangan akta

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sektor ekonomi gig melakar sejarah baharu apabila Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 diluluskan di Dewan Rakyat semalam, selepas tujuh tahun penggubalannya dilaksanakan.

RUU yang bakal membolehkan lebih 1.2 juta pekerja gig di negara ini mendapat hak merunding gaji dan syarat kerja itu meraih sokongan majoriti Ahli Parlimen melalui undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15.

RUU dengan 112 Fasal dan dibentangkan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim itu diluluskan selepas dibahaskan 23 anggota Dewan Rakyat daripada blok kerajaan dan pembangkang.

Empat aspek utama di bawah RUU itu berbanding permasalahan membayangi sektor berkenaan, iaitu definisi pekerja

gig, majlis tiga hala untuk menetapkan isu seperti pendapatan, mekanisme penyelesaian pertikaian dan perlindungan keselamatan sosial.

Sim ketika menggulung perbincangan RUU itu menampal tindakan pembangkang yang disifatkan keliru dengan perincian cadangan akta berkenaan apabila tidak meletakkan pekerja sektor terbit sebagai keutamaan.

"Misalnya, Rompin (Datuk Abdul Khalib Abdullah) minta kita meneliti pelaksanaan mekanisme undang-undang berkaitan pekerja gig di Sepanyol, tetapi Machang (Wan Ahmad Fahsah Wan Ahmad Kamal) pula kata jangan tiru Sepanyol sebab risau pelabur lari.

"Ada (juga) seakan-akan membangkitkan kebimbangan selama ini dibangkitkan syarikat korporat. Seakan-akan undang-undang ini harus memuaskan hati syarikat korporat, kalau tidak kita jangan setuju dahulu.

"Kita perlu faham, undang-undang ini untuk memberi pembelaan kepada pekerja gig, selain mengekalkan daya saing ekonomi negara," katanya.

SEGiM tak bercanggah akta

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM), Sim berkata, ia tidak bercanggah dengan penggubalan RUU berkenaan memandangkan kedua-duanya adalah perkara berbeza.

Ini kerana, katanya, RUU Pekerja Gig 2025 adalah perlindungan perburuan pekerja gig, selain kerajaan sudah membuat keputusan supaya jawatankuasa mengkaji SEGiM dipimpin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Saya yakin beliau (Ahmad Zahid) sebagai antara juara perjuangan pekerja gig ini akan memberi terma, syarat, bidang kuasa dan sebagainya yang tidak bercanggah dengan RUU ini.



Sim ketika menggulung perbincangan RUU Pekerja Gig 2025 pada sidang Dewan Rakyat, semalam. (Foto Ihsan Jabatan Penerangan Malaysia)

"Ada pihak kata RUU ini tiada penguat kuasa dan pihak berkuasa. Ini tidak betul kerana kita ada penguat kuasa daripada Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Tribunal Pekerja Gig dan PERKESO (juga) ada agensi penguat kuasanya.

"Justeru, tak betul kalau kata tiada SEGiM, maka tiada pihak bertanggungjawab. RUU ini dan SEGiM adalah dua perkara berbeza dan kerajaan dalam proses mengkaji untuk menubuhkan SEGiM kelak," katanya.

RUU tidak bertujuan bebaskan mana-mana pihak

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 yang dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat semalam bukan bertujuan membebaskan mana-mana pihak, sebaliknya memberi perlindungan adil kepada jutaan pekerja gig di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata undang-undang baharu itu dihasilkan selepas hampir 40 sesi libat urus dengan kira-kira 4,000 peserta termasuk pekerja, majikan, syarikat platform, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pakar ekonomi.

"Undang-undang ini tidak mengenai apa-apa kos tambahan ataupun kos langsung ke atas majikan atau platform seperti yuran, caj dan cukai baru.

"Sama juga seperti ketika kita memperkenalkan gaji minimum untuk sektor buruh konvensional, ada pihak kata syarikat akan pecat pekerja, pengangguran naik, inflasi meningkat, tetapi apabila kita jai,

perkara itu tidak berlaku.

"Kajian antarabangsa dan pengalaman Malaysia sendiri menunjukkan tiada korelasi antara kenaikan gaji minimum dengan kadar pengangguran atau inflasi. Sebaliknya, produktiviti pekerja meningkat.

"Jadi, naratif perlindungan pekerja akan menjejaskan ekonomi ini sebenarnya sering digunakan untuk menakutkan orang ramai supaya menafikan hak pekerja mendapat pampasan dan perlindungan yang bermaruah," katanya pada program Podcast BH Borak Harini bertajuk *Kerja Gig: Tiada masa depan?*

Sim berkata, RUU berkenaan menyediakan kerangka jelas merangkumi definisi pekerja gig, penubuhan tribunal khas dan penubuhan majlis tripartite atau majlis perundingan.

Katanya, sebelum ini pekerja gig berdepan masalah besar apabila diberhentikan secara tiba-tiba tanpa sebarang proses siasatan atau saluran undang-undang



untuk menuntut keadilan.

"Menerusi RUU Gig, situasi ini kini berubah kerana undang-undang memperuntukkan prosedur jelas sebelum sebarang penamatan dibuat," katanya.

RUU Gig bukan sahaja memperkenalkan perlindungan terhadap penamatan perkhidmatan, malah buat kali pertama memberi pekerja kuasa dalam menentukan kadar bayaran

melalui penubuhan Majlis Perundingan.

Sebelum ini, jelasnya, semua kadar bayaran ditentukan sepenuhnya oleh syarikat platform tanpa sebarang suara daripada pihak pekerja.

"Keadaan sekarang, aduan utama adalah tentang bayaran kerana pekerja langsung tidak ada hak dalam menentukan kadar 100 peratus ditentukan oleh

platform pekerja tidak ada kata putus.

"Tetapi selepas adanya RUU ini, kita tubuhkan sebuah majlis perundingan yang bersifat tripartite melibatkan tiga pihak iaitu kerajaan, majikan atau platform serta pekerja. Di situ lah pekerja diberi hak untuk sama-sama membuat keputusan tentang isu bayaran.

"Kalau pekerja pergi jumpa majikan seorang diri untuk minta naik bayaran, peluangnya sangat kecil. Kuasa tawar-menawar pekerja sekarang ini lemah. Tetapi bila ada majlis perundingan, pekerja duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan majikan.

"RUU ni bukan noktah. RUU ini sebenarnya adalah permulaan kepada satu pengiktirafan kepada pekerja gig, dulu tidak ada.

"Mereka bekerja setiap hari, tetapi tak ada satu akta perlindungan. La ni, orang utara kata, dah ada. Jadi ini permulaannya," katanya.

Landmark gig workers law redefines platform jobs

PETALING JAYA: The Malaysian Employers Federation (MEF) has hailed the passage of the Gig Workers Bill 2025 in the Dewan Rakyat as a landmark reform that will shape the future of work in Malaysia.

MEF president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman said the Bill comes at a crucial time as the labour market undergoes rapid transformation driven by technology and new business models.

"The gig economy has become a vital pillar of Malaysia's workforce, providing income opportunities to millions, especially youth, women and retirees.

"MEF fully supports the government's efforts to institutionalise fair protections for gig workers while preserving the flexibility that is central to the sector's sustainability," he said in a statement.

However, he cautioned that over-regulation could undermine the viability of the gig economy.

"High compliance costs and rigid definitions may deter businesses from engaging gig workers and limit opportunities for Malaysians seeking supplementary income. Safeguarding flexibility will keep the gig economy sustainable, competitive and attractive to both local and international investors."

Syed Hussain added that the Bill also positions Malaysia as a regional leader in modernising labour laws, in line with International Labour Organisation (ILO) principles which call for fair protection for all workers, regardless of employment status.

The MEF also urged continuous consultation with stakeholders to ensure affordable social security coverage, clear dispute resolution mechanisms, recognition of the diversity of gig work and support for innovation in digital platforms.

The Dewan Rakyat passed the Gig Workers Bill 2025 yesterday after extensive debate on its second and third readings, with a voice vote on

the final day of the Second Meeting of the Fourth Session of the 15th Parliament.

The Bill, tabled by Human Resources Minister Steven Sim, provides a long-awaited legislative framework to define the status of gig workers. It sets minimum compensation standards, regulates payment practices, establishes a complaints mechanism and mandates social security contributions to Socso.

The law will extend protection to more than 1.2 million Malaysians in platform-based services such as ride-hailing, food delivery and freelance digital work, addressing long-standing concerns over lack of social security, inconsistent pay terms and limited avenues for dispute resolution.

"MEF remains committed to working with the government, ILO and all stakeholders to strike the right balance between protection and flexibility," added Syed Hussain.
- By **HARITH KAMAL**

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL 7
JUMAAT 29 OGOS 2025 • SINAR HARIAN

Lulus selepas 7 tahun digubal

Dewan Rakyat lulus RUU Pekerja Gig 2025, pekerja dapat hak runding gaji dan syarat kerja

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
KUALA LUMPUR

Rang Undang-undang (RUU) Pekerja Gig 2025 bagi membolehkan lebih 1.2 juta pekerja sektor itu mendapat hak rundingan gaji dan syarat kerja, diluluskan di Dewan Rakyat pada Khamis.

Selepas tujuh tahun digubal, undang-undang tersebut akhirnya diluluskan setelah dibahaskan oleh 23 anggota Dewan Rakyat daripada blok kerajaan dan pembangkang.

RUU itu meraih sokongan majoriti ahli Parlimen melalui undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15.

Terdahulu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim membentangkan bacaan kali kedua dan ketiga RUU tersebut.

Ketika membentangkan bacaan kali kedua, beliau berkata, RUU itu ialah versi terbaik dan mendapat pengiktirafan pihak yang pakar.

Beliau berharap semua ahli Parlimen menyokong RUU itu diluluskan sebagai 'hadiah merdeka terbaik' kepada pekerja gig.

"Saya berharap masih baki tiga hari sebelum negara kita menyambut Hari Kebangsaan, ayuh Parlimen ini sama-sama memberikan hadiah merdeka terbaik buat 1.2 juta pekerja gig rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah.

"Golongan pekerja bukan sekadar jentera ekonomi, jauh lagi hamba kepada golongan modal. Mereka pembeda bangsa dan nusa," katanya.

Dalam pada itu, Steven ketika menggugulng perbahasan RUU itu menempelak tindakan pembangkang yang disifatkan keliru dengan perincian cadangan akta berkenaan apabila tidak meletakkan pekerja sektor terabit sebagai keutamaan.

"Misalnya, Rompin (Datuk Abdul Khalib Abdullah) minta kita



STEVEN SIM

meneliti pelaksanaan mekanisme undang-undang berkaitan pekerja gig di Sepanyol, tetapi Machang (Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal) pula kata jangan tiru Sepanyol sebab risau petabur lari.

"Ada (juga) seakan-akan membangkitkan ke-

bimbangan selama ini dibangkitkan syarikat korporat.

"Seakan-akan undang-undang ini harus memuaskan hati syarikat korporat, kalau tidak kita jangan setuju dahulu.

"Kita perlu faham, undang-undang ini untuk memberi pembelaan kepada pekerja gig, selain mengekalkan daya saing ekonomi negara," katanya.

Empat aspek utama di bawah RUU itu berpandukan permasalahan membayangi sektor berkenaan iaitu definisi pekerja gig, majlis tiga hala untuk menetapkan isu seperti pendapatan, mekanisme penyelesaian pertikaian dan perlindungan keselamatan sosial.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM), Steven men-



RUU Pekerja Gig 2025 diluluskan di Dewan Rakyat pada Khamis.

jelaskan ia tidak bercanggah dengan penggubalan RUU berkenaan kerana kedua-duanya ialah perkara berbeza.

Ini kerana katanya, RUU Pekerja Gig 2025 ialah perlindungan perburuhan pekerja gig, selain kerajaan sudah membuat keputusan supaya jawatankuasa mengkaji SEGIM dipimpin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Saya yakin beliau (Ahmad Zahid) sebagai antara juara per-

juangan pekerja gig ini akan memberi terma, syarat, bidang kuasa dan sebagainya yang tidak bercanggah dengan RUU ini.

"Ada pihak kata RUU ini tiada penguat kuasa dan pihak berkuasa. Ini tidak betul kerana kita ada penguat kuasa daripada Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Tribunal Pekerja Gig dan PERKESO (juga) ada agensi penguat kuasanya," katanya.

Keeping kids out of work

More than 21,000 workplaces checked for child labour

THE Labour Department carried out inspections on 21,352 premises as of June this year as part of the efforts by the Human Resources Ministry against child labour, says Steven Sim.

He said the authorities will ensure that employers adhere to legal provisions that prevent the hiring of child-age workers.

According to the Children and Young Persons (Employment) Act 1966, children under the age of 15 are not allowed to work except in specific jobs that are explicitly permitted and do not endanger their health, safety or morals, he added.

"As of June 2025, a total of 21,352 employer premises have been inspected.

"If any violations of the law are found, strict action will be taken, including prosecution in court," he said in a written reply to Datuk Adnan Abu Hassan (BN-Kuala Pilah).

Adnan had asked the ministry to state its efforts in tightening

and intensifying enforcement against the offence of employing underage children.

He also asked the ministry about the effectiveness of current labour laws in preventing child labour exploitation in Malaysia.

To strengthen enforcement efforts, Sim said the Labour Department in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak continuously carries out periodic inspections at workplaces to detect and combat child labour practices.

He added that the ministry conducts awareness and educational activities for employers and the general public on the importance of children's education and the negative impact of child labour on their future development.

"The effectiveness of existing laws is also reviewed from time to time to ensure that they remain relevant and effective in tackling all forms of child labour exploitation in the country," said Sim.

In a separate written reply, Sim said 2,144,789 foreign workers



Zero tolerance: To strengthen enforcement efforts, Sim says the Labour Department carries out periodic inspections at workplaces to detect and combat child labour practices. — Bernama

are employed in Malaysia.

He added that the highest number of workers are from Bangladesh (803,322), followed by Indonesia (543,514) and Nepal (332,712). A total of 106,929 workers are from India, followed by Pakistan (76,011), the Philippines (52,340), Thailand (21,822) and Vietnam (16,614).

There are 5,938 from Sri Lanka,

5,655 from Cambodia and 4,796 from China. It also stated that there are 1,491 from Laos, 12 from Uzbekistan and three from Kazakhstan.

He was responding to Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (PN-Marang), who asked the ministry to state the top 15 source countries that provide workers to Malaysia.